

KEMUDAHAN PERALIHAN KARBON RENDAH ALLIANCE (LCTF) Helaian Maklumat Produk

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK (Sila baca Helaian maklumat produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kemudahan Peralihan Karbon Rendah Alliance (LCTF). Terma dan syarat akhir dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman.)	ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD KEMUDAHAN PERALIHAN KARBON RENDAH ALLIANCE (LCTF) TARIKH:
1. Apakah produk ini?	
- Ini merupakan kemudahan Pinjaman Berjangka (Konvensional) di bawah Dana Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertujuan untuk menggalakkan dan memacu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk beralih kepada operasi rendah karbon melalui penerapan amalan kelestarian demi meningkatkan daya tahan perniagaan. - Tujuan kemudahan ini adalah untuk membiayai keperluan Perbelanjaan Modal (CAPEX) anda.	
2. Apakah yang dapat saya peroleh daripada produk ini?	
- Keseluruhan jumlah yang dipohon:-RM _____ - Tempoh:- _____ tahun - Kadar yang Ditetapkan: _____ setahun (tetap). Faedah dikira berdasarkan kadar yang ditetapkan dan terpakai ke atas kemudahan TL ke atas baki tertunggak pada akhir bulan sebelumnya.	
3. Apa tanggungjawab saya?	
- Ansuran bulanan:-RM _____ (termasuk faedah) – berdasarkan keseluruhan jumlah yang dipohon. - Jumlah pembayaran balik termasuk jumlah kemudahan pinjaman:-RM _____	
4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?	
- Duti Setem: Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Setem 1949 (Disemak 1989) - Yuran Dokumentasi: Tiada UMUM Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, yuran kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (jika ada) yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa hadapan dan di mana berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, sila rujuk laman web https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges.	
5. Apa akan terjadi jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?	
- Faedah ke atas Bayaran Lewat: 1% setahun melebihi kadar yang ditetapkan pada mana-mana bahagian prinsipal dan/atau faedah dan/atau sebarang jumlah lain yang tertunggak. - Hak untuk tolak selesai: Bank berhak untuk tolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun deposit untuk menetapkan tunggakan dalam akaun pinjaman dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu. - Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan Penjamin (jika ada).	
6. Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya Pinjaman Berjangka (Konvensional) sebelum tempoh matang?	
Bayaran balik dibenarkan tertakluk kepada notis bertulis satu (1) bulan terlebih dahulu atau faedah satu (1) bulan sebagai ganti notis. Sekiranya notis mencukupi diterima, caj bayaran balik awal sebanyak 1.0% kadar rata akan dikenakan ke atas jumlah yang dibayar balik. Semua bayaran balik akan digunakan mengikut susunan matang yang songsang.	

7. Adakah saya perlukan perlindungan insurans?

- Perlindungan Insuran Keyman tidak diwajibkan di bawah kemudahan ini.
- Polisi Insurans Kebakaran/Peralatan Semua Risiko ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) mungkin dicadangkan.

8. Apakah risiko utama?

Jika anda tidak menunaikan kewajipan pembayaran balik anda, sebagai tambahan kepada jumlah tertunggak yang perlu dibayar, anda akan bertanggungjawab ke atas semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap anda. Jika anda menghadapi sebarang masalah memenuhi kewajipan pinjaman anda, anda perlu hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik. Anda boleh hubungi kami di mana-mana Cawangan/Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami.

9. Adakah saya memerlukan cagaran atau penjamin?

- Cagaran: - Secara amnya, cagaran tidak diperlukan, kecuali Jaminan daripada CGC/SJPP boleh diambil sebagai sekuriti, tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh Alliance Bank.
- Penjamin: Tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh Alliance Bank.

10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

Ia adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Adakah terdapat jenis pakej Pinjaman Berjangka (Konvensional) lain yang ditawarkan?

Ya. Anda boleh merujuk ke laman web kami di www.alliancebank.com.my untuk pakej pinjaman PKS yang lain, termasuk:

- Untuk tujuan pembelian peralatan/mesin
- Untuk tujuan pembelian hartanah/premis perniagaan.

12. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kemudahan dan perkhidmatan kami, anda boleh hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di mana-mana Cawangan / Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami (<https://www.alliancebank.com.my/branch-locator>) atau rujuk kepada laman web kami di <https://alliancebank.com.my/>.

Alliance Bank Malaysia Berhad

Menara Multi-Purpose, Capital Square
No 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel: 1300-80-3388 (Malaysia) +603-5624 3888 (Luar Negara)
E-mel: info@alliancefg.com

Waktu Operasi Cawangan:
Semenanjung Malaysia

Isnin-Jumaat: 9:15am hingga 4:15pm
Sabtu/Ahad/Cuti Awam: Tutup
Terminal Layan Diri (eLobby): 24 jam
Waktu Penjelasan Cek: 4pm

Timur Malaysia

Isnin-Jumaat: 9am hingga 4pm
Sabtu/Ahad/Cuti Awam: Tutup
Terminal Layan Diri (eLobby): 24 jam (kecuali Miri, Sinsuran dan Tawau – dari 6am hingga 12am)
Waktu Penjelasan Cek: 4pm

- Anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk PKS. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Aras 5 and 6,
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-2616 7766 Laman web : akpk.org.my/smehelpdesk

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi link atau telelink Bank Negara Malaysia di :

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515 Laman web : telelink.bnm.gov.my

Maklumat yang diberikan dalam helaian maklumat ini berkuat kuasa pada _____. Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: Jumlah sebenar pinjaman, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh Bank adalah bergantung pada penilaian kredit oleh Bank. Penghantaran Helaian maklumat produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh Bank untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.

MAKLUMAN PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB ANDA.